

## APLIKASI DAN KESAN KAEDAH-KAEDAH FIQH BERKAITAN FIQH MUAMALAT DALAM PERNIAGAAN ISLAM: SATU ULASAN

### APPLICATION AND EFFECT OF FIQH RULES RELATED TO FIQH MUAMALAT IN ISLAMIC BUSINESS: A REVIEW

H. Y. Ahmad Mujahideen <sup>1</sup>  
M. H. Norhidayah <sup>2</sup>

<sup>1</sup> Jabatan Usuluddin, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra, Kelantan, Malaysia  
(E-mail: mujahideen@kias.edu.my)

<sup>2</sup> Jabatan Muamalat, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra, Kelantan, Malaysia  
(E-mail: norhidayah@kias.edu.my)

#### Article history

Received date : 5-4-2021

Revised date : 6-4-2021

Accepted date : 26-5-2021

Published date : 13-7-2021

#### To cite this document:

Ahmad Mujahideen, H. Y. & Norhidayah, M. H. (2021).  
Aplikasi Dan Kesan Kaedah-Kaedah Fiqh Berkaitan Fiqh  
Muamalat Dalam Perniagaan Islam: Satu Ulasan).  
*International Journal of Accounting, Finance and Business*  
(IJAFB), 6 (34), 64 - 72.

**Abstrak:** Kaedah Fiqh merupakan satu panduan inklusif dan eksklusif dalam sesuatu hal yang mempunyai tugas yang mustahak dalam menyelaras dan menyelesaikan sesuatu masalah rumit yang timbul agar menjadi senang untuk diselesaikan. Aktiviti perniagaan pada masa kini melalui banyak cara mengikut perkembangan semasa dan sangat berbeza berbanding masa sebelumnya. Namun begitu, perkara ini tidak terkecuali dari segi kaedah hukum dalam permasalahan Fiqh Muamalat yang berkaitan dengan perniagaan Islam yang dapat diaplikasikan demi mempermudah pelaksanaannya dan seterusnya memberikan kesan yang baik bagi semua pihak yang terlibat. Namun begitu, terdapat kaedah-kaedah Fiqh tertentu yang berkaitan dengannya untuk diaplikasikan dalam Fiqh Muamalat yang berkenaan dengan perniagaan Islam. Oleh itu, artikel ini mengulas aplikasi dan kesan kaedah-kaedah Fiqh berkaitan Fiqh Muamalat dalam perniagaan Islam. Artikel kualitatif ini berkaitan kajian kepustakaan yang melibatkan metode pengumpulan data yang dikutip dari bahan-bahan bercetak dan penganalisisan data yang menggunakan perisian N-Vivo 2.0. Hasil dapatan artikel ini menjelaskan bahawa terdapat tiga kaedah Fiqh yang berkaitan dengan Fiqh Muamalat yang sesuai diaplikasikan dalam perniagaan Islam yang memberi kesan yang positif kepada semua pihak iaitu “yakin tidak boleh dihilangkan oleh keraguan”, “kemudahan mestilah disingkatkan” dan “kesulitan membawa kepada kemudahan”. Semua kaedah Fiqh yang berkaitan Fiqh Muamalat ini dapat mempermudah pelaksanaan perniagaan dalam Islam dan menyelesaikan permasalahan yang timbul apabila diaplikasikan dengan sebaiknya.

**Kata kunci:** Aplikasi, Kesan, Kaedah Fiqh, Fiqh Muamalat, Perniagaan

**Abstract:** *The method of Fiqh is an inclusive and exclusive guide in a matter that has an important task in coordinating and resolving a complex problem that arises in order to be easy to solve. Business activities today go through many ways according to current developments and are very different than in the past. However, this matter is no exception in terms of legal methods in the issue of Fiqh Muamalat related to Islamic business that can be applied in order to facilitate its implementation and in turn provide a good effect for all parties involved. Nevertheless, there are certain rules of Fiqh related to it to be applied in Fiqh Muamalat with respect to Islamic business. Therefore, this article reviews the application and impact of Fiqh rules related to Fiqh Muamalat in Islamic business. This qualitative article is related to a literature review involving data collection methods collected from printed materials and data analysis using N-Vivo 2.0 software. The findings of this article explain that there are three methods of Fiqh related to Fiqh Muamalat that are suitable to be applied in Islamic business that have a positive effect on all parties, namely "confidence can not be removed by doubt", "harm must be eliminated" and "difficulties lead to convenience. ". All the methods of Fiqh related to Fiqh Muamalat can facilitate the implementation of business in Islam and solve problems that arise when applied properly.*

**Keywords:** *Applications, Effects, Methods of Fiqh, Fiqh Muamalat, Business*

## Pengenalan

Qawaid Fiqhiyyah adalah antara ilmu dalam khazanah ilmu-ilmu Islam yang penting dan berkait rapat dengan ilmu Usul Fiqh dan Fiqh dalam penentuan hukum syarak. Tumpuan ilmu Qawaid Fiqhiyyah ialah pada hasil dari ilmu Fiqh dengan mencari persamaan masalah-masalah Fiqh, kemudian penyatuannya dalam satu bentuk prinsip yang boleh diaplikasikan kepada seluruh permasalahan Fiqh yang mempunyai persamaan karakter dan sifat.

Jika ditanyakan hukum semua bentuk jual beli, kemudian dijawab dengan tidak mengkhususkan jawapan ke atas satu bentuk jual beli sahaja akan tetapi ditujukan kepada apa sahaja yang dinamakan jual beli dengan jawapan “segala bentuk jual beli adalah harus” (al-Syafie, 2019), maka jawapan ini adalah Qawaid Fiqhiyyah kerana ia berkaitan dengan penerapan hukum keseluruhan ke atas hukum khas.

## Definisi Qawaid Fiqhiyyah

Perkataan Qawaid Fiqhiyyah terdiri dari dua perkataan iaitu qawaid (قواعد) dan fiqhiyyah (فقهية). Qawaid ialah kata jamak dari perkataan qaidah (قاعدة) yang membawa makna asal, asas atau dasar (Ibn Manzur, 2015). Firman Allah SWT dalam surah al-Baqarah ayat 127:

وَإِذْ يَرْفَعُ إِبْرَاهِيمُ الْقَوَاعِدَ مِنَ الْبَيْتِ وَإِسْمَاعِيلُ رَبَّنَا تَقَبَّلْ مِنَّا إِنَّكَ أَنْتَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ ﴿١٢٧﴾

Maksudnya: Dan (ingatlah) ketika Ibrahim meninggikan (membina) dasar-dasar Baitullah bersama Ismail (seraya berdoa): Ya Tuhan Kami, terimalah daripada Kami (amalan kami), sesungguhnya Engkaulah yang Maha Mendengar lagi Maha Mengetahui.

Qawaid juga membawa maksud perempuan yang menopause (putus haid). Firman Allah SWT dalam surah al-Nur ayat 60:

وَالْقَوَاعِدُ مِنَ النِّسَاءِ الَّتِي لَا يَرْجُونَ نِكَاحًا فَلَيْسَ عَلَيْهِنَّ جُنَاحٌ أَنْ يَضَعْنَ ثِيَابَهُنَّ غَيْرَ مُتَبَرِّجَاتٍ بِزِينَةٍ وَأَنْ يَسْتَعْفِفْنَ خَيْرٌ لَهُنَّ وَاللَّهُ سَمِيعٌ عَلِيمٌ ﴿٥١﴾

Maksudnya: Dan perempuan-perempuan tua yang telah terhenti (dari haid dan mengandung) yang tiada ingin kahwin (lagi), tiadalah atas mereka dosa menanggalkan pakaian mereka dengan tidak (bermaksud) menampakkan perhiasan dan berlaku sopan adalah lebih baik bagi mereka. Dan Allah Maha mendengar lagi Maha Bijaksana.

Dari sudut istilah, qawaid atau kaedah-kaedah membawa makna hukum atau prinsip umum yang mana dengannya hukum atau kes-kes cabang dapat diketahui (الحكم الكلي أو الأكثرى) (الذي يراد به معرفة حكم الجزئيات لا ضرر ولا) (Ali, 2018). Antara contoh kaedahnya ialah (الضرورات تبيح المحظورات) iaitu “keadaan mendesak menghalalkan sesuatu yang dilarang” pula memberi kelonggaran dan keringanan kepada sesuatu tanggungjawab sivil yang tidak mampu dielakkan dari dilaksanakan (Ahmad Hidayat, 1995).

Dengan makna cara atau aturan serta hukum atau prinsip, maka ilmu kaedah-kaedah Fiqh telah didefinisikan oleh para ulama sebagai satu ilmu yang mana menerusinya kaedah-kaedah dan peraturan-peraturan Fiqh boleh diperkenalkan dan dibandingkan (Abdul Wahhab, 1409H).

### **Takrif Fiqh Muamalat**

Sudah menjadi satu kelaziman di alam Nusantara bahawa tiada perbezaan dalam penggunaan antara kalimah Fiqh dan Syariah, malahan kalimah yang terakhir disebut ini adalah lebih dominan dalam penggunaannya. Namun pada hakikatnya kedua-duanya adalah berbeza bahkan salah satu daripadanya itu merupakan satu bahagian dari yang lain (Abdurrahman Raden, 2002).

Fiqh atau dalam bahasa Melayu disebut Fekah didefinisikan sebagai satu pengetahuan yang berkaitan dengan hukum syarak amali atau praktikal menerusi ijthad yang telah dikeluarkan dalil-dalilnya yang terperinci (al-Juwayni, 2019). Adapun Syariah adalah merupakan hukum-hukum yang telah ditetapkan oleh Allah SWT menerusi perutusan rasul-rasul-Nya (al-Syazili, 2000).

Perbuatan seharian merangkumi aspek ibadat, muamalat, munakahat dan jenayah. Semua aspek tersebut telah memenuhi keperluan manusia dan kebanyakan cendekiawan Islam menyatakan bahawa ia melambangkan kesempurnaan dan kelengkapan undang-undang Syariah.

Melihat dengan lebih khusus kepada aspek muamalat, secara amnya perbincangan berkenaan amatlah luas kerana ia meliputi keseluruhan sudut kehidupan manusia yang bukan ibadat, munakahat dan jenayah (Abdurrahman Raden, 2002). Muamalat didefinisikan sebagai hukum-hukum syarak yang berkenaan dengan kehidupan manusia seharian (Muhammad Farid, 2016). Manakala menurut Mustafa (2011) mentakrifkannya sebagai

hukum-hukum yang berkenaan dengan perbuatan manusia dan hubungannya dengan sesama mereka seperti aktiviti jual beli, gadaian, sewaan, pajakan dan sebagainya.

### **Pengertian Perniagaan Dalam Islam**

Dalam bahasa Arab, perniagaan diertikan sebagai tjarah (تجارة) yang mempunyai makna pertukaran (معاوضة) sebagaimana yang telah disebut oleh al-Qurtubi (2016). Manakala dari sudut istilah pula bermaksud sesuatu transaksi ke atas apa sahaja harta sama ada pada masa akad ataupun belum ada dengan tujuan memperoleh keuntungan. Ibnu Khaldun ada menerangkan bahawa ianya bermaksud suatu percubaan untuk mencari rezeki dengan proses penambahan harta melalui pembelian barangan dengan harga yang lebih rendah dan kemudian menjualnya kembali dengan harga yang lebih tinggi (Zaghlul, 2013).

Kebiasaannya perniagaan dalam maksud tjarah (تجارة) disamakan maksudnya dengan bay' (بيع) atau jual-beli. Namun begitu, maksud bay' mempunyai pengertian pertukaran sesuatu harta dengan sesuatu harta yang lain secara rela hati atau secara khusus (al-Syarbini, 2019).

Berdasarkan penjelasan di atas berkenaan definisi kaedah Fiqh dan Fiqh Muamalat serta perniagaan dalam Islam, maka dapatlah dilihat aplikasi dan kesan kaedah-kaedah Fiqh yang berkaitan dengan perniagaan Islam dari sudut pembentukan, pelaksanaan, pembatalan dan lain-lainnya.

**Kaedah-Kaedah Fiqh Berkaitan Fiqh Muamalat Dalam Perniagaan Islam** Antara kaedah-kaedah Fiqh dalam Fiqh Muamalat yang berkaitan dengan perniagaan dalam perniagaan Islam ialah (al-Suyuti, 2018):

Kaedah pertama: Yakin tidak boleh dihilangkan oleh keraguan (اليقين لا يزول بالشك)  
Kaedah “yakin tidak boleh dihilangkan oleh keraguan” ini bersumberkan dari firman Allah SWT dalam surah Yunus ayat 36:

وَمَا يَتَّبِعُ أَكْثَرُهُمْ إِلَّا ظَنًّا إِنَّ الظَّنَّ لَا يُغْنِي مِنَ الْحَقِّ شَيْئًا إِنَّ اللَّهَ عَلِيمٌ بِمَا يَفْعَلُونَ ﴿٣٦﴾

Maksudnya: Dan kebanyakan mereka tidak mengikut kecuali persangkaan sahaja. Sesungguhnya persangkaan itu tidak sedikitpun berguna untuk mencapai kebenaran. Sesungguhnya Allah Maha Mengetahui apa yang mereka kerjakan.

Kaedah ini juga bersumber dari beberapa buah hadis Nabi SAW antaranya sabda Nabi SAW dalam riwayat Muslim (2018):

إِذَا وَجَدَ أَحَدُكُمْ فِي بَطْنِهِ شَيْئًا فَأَشْكَلَ عَلَيْهِ أَخْرَجَ مِنْهُ شَيْءٌ أَمْ لَا فَلَا يَخْرُجَنَّ مِنَ الْمَسْجِدِ حَتَّى يَسْمَعَ صَوْتًا أَوْ يَجِدَ رِيحًا

Maksudnya: Apabila seseorang daripada kamu mendapati sesuatu dalam perutnya, namun dia tidak pasti sama ada mengeluarkan angin atau tidak (kentut), maka janganlah keluar dari masjid (tidak perlu berwudhuk) sehinggalah terdengar bunyi suara atau menghidu bau (kentut).

Selain itu, sabda Nabi SAW dalam sebuah hadis sahih (al-Albani, 1988) yang diriwayatkan oleh Ahmad (2017):

إِذَا شَكَ أَحَدُكُمْ فِي صَلَاتِهِ فَلَمْ يَدْرِ كَمْ صَلَّى ثَلَاثًا أَمْ أَرْبَعًا فَلْيَطْرَحِ الشَّكَّ وَلْيَبْنِ عَلَى مَا اسْتَيْقَنَ

Maksudnya: Apabila seseorang daripada kamu merasa ragu dalam solatnya tidak mengetahui berapakah bilangan rakaat ketiga atau keempat, maka buanglah keraguan dan teruskanlah solat dengan apa yang diyakininya.

Al-Suyuti (2018) berkata: “Ketahuilah bahawa kaedah ini meliputi tiga perempat ilmu Fiqh bahkan lebih lagi. Sekiranya saya senaraikan kesemuanya, sudah tentulah panjang huraianya”.

Terdapat banyak kaedah perincian yang berada dalam kategori kaedah utama ini antaranya (al-Suyuti, 2018):

i-Pada asalnya sesuatu yang telah sabit masa lalu ia dikekalkan seperti asalnya (الأصل بقاء ما كان على ما كان).

ii-Pada asalnya seseorang itu bebas dari sebarang tanggungan (الأصل براءة الذمة).

iii-Pada asalnya sifat mendatang tidak wujud (الأصل في الصفات العارضة العدم).

Terdapat banyak kaedah perincian daripada kaedah utama di atas, maka banyak pula contoh yang diketemui dalam karya-karya Fiqh yang berkaitan dengan perniagaan, antaranya ialah:

1-Sekiranya pembeli seekor lembu betina mahu mengembalikan lembu yang telah dibelinya dengan mendakwa bahawa lembu tersebut tidak mengeluarkan susu, kemudiannya penjual menafikan proses jual beli dengan persyaratan sedemikian, maka dakwaan pembeli itu tidak dikira dan penafian penjual itu diambil kira. Hal ini kerana sifat asal lembu tidak mengeluarkan susu, adapun mengeluarkan susu adalah sifat baharu (Ali, 2018).

2-Sekiranya terdapat pertelagahan di antara penjual dengan pembeli berkaitan dengan penyerahan barangan jualan, maka keputusan hakim hendaklah diberikan kepada pihak yang menafikan menerima barangan kerana penerimaan barangan adalah yang asal (Ali, 2018).

3-Sekiranya pembeli mendakwa bahawa barangan yang dibelinya rosak dan kemudian penjual menafikannya, maka pada asalnya barangan itu tidak rosak kerana kerosakan adalah sifat yang baharu (al-Zuhayli, 2018).

4-Sekiranya seorang berhutang dalam aktiviti perniagaan, kemudian dia merasa syak berapakah jumlahnya, maka wajib ke atasnya menjelaskan jumlah hutang yang diyakininya (al-Suyuti, 2018).

Ini adalah beberapa contoh yang ada kaitan dan termasuk dalam kaedah “yakin tidak boleh dihilangkan oleh keraguan”. Kaedah ini boleh diaplikasikan secara tanpa batasan dalam perniagaan masa kini yang bertambah kompleks dan penuh kepelbagaian. Penerapan kaedah ini akan dapat menyelesaikan banyak masalah perniagaan yang sukar.

Kaedah kedua: Kemudaratan mestilah disingkirkan (الضرر يزال).

Kaedah ini bersumber dari hadis Nabi SAW yang sahih (al-Albani, 1997) yang diriwayatkan oleh Ibn Majah (2017):

لَا ضَرَرَ وَلَا ضِرَارَ

Maksudnya: Tiada mudarat dan tiada yang memudaratkan.

Hadis ini menjelaskan bahawa Allah SWT sama sekali tidak menerima kemudarat dan juga tidak suka kepada pelaku kemudarat. Oleh itu wajib bagi para hakim dan pihak yang berwajib untuk menyingkirkannya sama ada kemudarat tersebut umum ataupun khusus (al-Zuhayli, 2018).

Kaedah Fiqh tersebut mengesahkan objektif asas dari pengutusan para rasul AS dan penurunan kitab-kitab samawi bahawa ianya bertujuan untuk menghasilkan kemaslahatan bagi umat manusia di dunia mahupun di akhirat di samping bagi menghindarkan dari kerosakkan. Mudarat dan memudaratkan tidak sejajar dengan objektif asas ini. Oleh yang demikian, ianya mestilah dibuang dan disingkirkan. Dalam aktiviti perniagaan, kerosakan barangan kadang-kadang berlaku. Mengikut kaedah Fiqh ini sekiranya terjadi kerosakan, maka pihak yang dirugikan memiliki kuasa untuk mengembalikannya kerana mudarat mestilah dibuang.

Kaedah Fiqh ini juga merangkumi banyak permasalahan Fiqh. Al-Suyuti (2018) ada menyatakan bahawa kaedah ini menjadi asas kepada banyak permasalahan Fiqh. Kaedah Fiqh ini juga mempunyai banyak kaedah perincian sebagaimana kaedah Fiqh yang sebelumnya, antaranya ialah:

- i-Keadaan mendesak menghalalkan sesuatu yang dilarang (الضرورات تبيح المحظورات).
- ii-Kemudarat hendaklah dielakkan sebolehnya (الضرر يرفع بقدر الإمكان).
- iii-Kemudarat tidak boleh disingkirkan dengan kemudarat sepertinya (الضرر لا يرفع بمثله).

Dalam aktiviti perniagaan, kaedah-kaedah Fiqh tersebut boleh diaplikasikan secara mendalam kepada banyak permasalahan perniagaan. Pensiyyatan *shuf'ah* dan *al-hajr* antara contoh implementasi yang berkenaan dengan kaedah-kaedah Fiqh ini. Dalam aspek *shuf'ah*, orang yang akan dirugikan hendaklah dilindungi dengan kepemilikan barangan secara paksa dengan kos yang dipersetujui bersama. Dalam aspek *al-hajr* pula, orang yang akan dirugikan seperti pemberi pinjaman hendaklah dilindungi dengan menegah penghutang untuk melakukan transaksi ke atas barangannya (al-Zuhayli, 2018).

*Bay' al-'araya* ialah jual beli buah kurma yang masih di atas pokoknya secara kiraan dengan buah kurma yang sudah dipetik secara sukatan dibolehkan oleh Nabi SAW kerana keperluan orang-orang miskin walaupun pada asalnya ia termasuk dalam riba yang diharamkan kerana terdapatnya keperluan mendesak yang menjadikannya diharuskan. Seandainya seorang yang diisytiharkan muflis menggadaikan barangan jualan, maka penjual tidak boleh menarik balik gadaian kerana ia memudaratkan penerima gadaian walaupun penjual telah dirugikan dengan penggadaian berkenaan (al-Suyuti, 2018).

Berlandaskan kaedah “kemudarat mestilah disingkirkan”, maka apa sahaja bentuk kemudarat dalam aktiviti perniagaan hendaklah dielakkan. Oleh itu, semua bentuk persyaratan yang merugikan mana-mana pihak dan juga transaksi ke atas barangan yang memudaratkan atau barangan itu merugikan pihak-pihak tertentu seharusnya dielakkan demi kebaikan bagi pihak peniaga dan pelanggan.

Kaedah ketiga: Kesulitan membawa kepada kemudahan (المشقة تجلب التيسير).  
Kaedah ini bersumber dari firman Allah SWT dalam surah al-Hajj ayat 78:



وَجَاهِدُوا فِي اللَّهِ حَقَّ جِهَادِهِ ۗ هُوَ اجْتَبَاكُمْ وَمَا جَعَلَ عَلَيْكُمْ فِي الدِّينِ مِنْ حَرَجٍ ۗ مِلَّةَ أَبِيكُمْ إِبْرَاهِيمَ ۗ هُوَ سَمَّاكُمُ الْمُسْلِمِينَ مِنْ قَبْلُ وَفِي هَذَا لِيَكُونَ الرَّسُولُ شَهِيدًا عَلَيْكُمْ وَتَكُونُوا شُهَدَاءَ عَلَى النَّاسِ ۚ فَأَقِيمُوا الصَّلَاةَ وَآتُوا الزَّكَاةَ وَاعْتَصِمُوا بِاللَّهِ هُوَ مَوْلَاكُمْ ۗ فَنِعْمَ الْمَوْلَىٰ وَنِعْمَ النَّصِيرُ ﴿٧٨﴾

Maksudnya: Dan berjihadlah kamu pada jalan Allah dengan jihad yang sebenar-benarnya. Dia telah memilih kamu dan Dia sekali-kali tidak menjadikan untuk kamu dalam agama suatu kesempitan. (Ikutilah) agama orang tuamu Ibrahim. Dia (Allah) telah menamai kamu sekalian orang-orang muslim dari dahulu, dan (begitu pula) dalam (al-Quran) ini, supaya Rasul itu menjadi saksi atas dirimu dan supaya kamu semua menjadi saksi atas segenap manusia, maka dirikanlah sembahyang dan tunaikanlah zakat serta berpeganglah kamu pada tali Allah. Dia adalah pelindungmu, maka Dialah sebaik-baik pelindung dan sebaik-baik penolong.

Allah SWT juga berfirman dalam surah al-Baqarah ayat 185:

شَهْرُ رَمَضَانَ الَّذِي أُنزِلَ فِيهِ الْقُرْآنُ هُدًى لِّلنَّاسِ وَبَيِّنَاتٍ مِّنَ الْهُدَىٰ وَالْفُرْقَانِ ۚ فَمَنْ شَهِدَ مِنْكُمُ الشَّهْرَ فَلْيَصُمْهُ ۗ وَمَنْ كَانَ مَرِيضًا أَوْ عَلَىٰ سَفَرٍ فَعِدَّةٌ مِّنْ أَيَّامٍ أُخَرَ ۗ يُرِيدُ اللَّهُ بِكُمُ الْيُسْرَ وَلَا يُرِيدُ بِكُمُ الْعُسْرَ وَلِتُكْمِلُوا الْعِدَّةَ وَلِتُكَبِّرُوا اللَّهَ عَلَىٰ مَا هَدَاكُمْ وَلَعَلَّكُمْ تَشْكُرُونَ ﴿١٨٥﴾

Maksudnya: (Beberapa hari yang ditentukan itu ialah) bulan Ramadhan, bulan yang di dalamnya diturunkan (permulaan) al-Quran sebagai petunjuk bagi manusia dan penjelasan-penjelasan mengenai petunjuk itu dan pembeda (antara yang hak dan yang batil). Oleh kerana itu, barangsiapa di antara kamu hadir (di negeri tempat tinggalnya) di bulan itu, maka hendaklah dia berpuasa pada bulan itu, dan barangsiapa sakit atau dalam perjalanan (lalu dia berbuka), maka (wajiblah baginya berpuasa) sebanyak hari yang ditinggalkannya itu pada hari-hari yang lain. Allah menghendaki kemudahan bagimu dan tidak menghendaki kesukaran bagimu. Dan hendaklah kamu mencukupkan bilangannya dan hendaklah kamu mengagungkan Allah atas petunjuk-Nya yang diberikan kepadamu supaya kamu bersyukur.

Selain itu, Allah SWT juga berfirman dalam surah al-Nisa' ayat 28:

يُرِيدُ اللَّهُ أَنْ يُخَفِّفَ عَنْكُمْ ۗ وَخُلِقَ الْإِنْسَانُ ضَعِيفًا ﴿٢٨﴾

Maksudnya: Allah hendak memberikan keringanan kepadamu dan manusia dijadikan bersifat lemah.

Dalam hal ini, terdapat beberapa buah hadis Nabi SAW yang berkaitan dengannya antaranya ialah sebuah hadis yang diriwayatkan oleh al-Bukhari (2016):

يَسِّرُوا وَلَا تُعَسِّرُوا

Maksudnya: Permudahkanlah dan janganlah menyusahkan.

Selain itu, Saidatina Aisyah RA pernah menyatakannya sebagaimana yang telah diriwayatkan oleh Muslim (2018):

مَا خَيْرَ رَسُولٍ اللَّهُ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ بَيْنَ أَمْرَيْنِ إِلَّا أَحَدٌ أَيْسَرَهُمَا مَا لَمْ يَكُنْ إِثْمًا

Maksudnya: "Tidaklah Rasulullah SAW diberikan pilihan kecuali baginda memilih yang termudah selagi ia bukan perbuatan dosa".

Berdasarkan dalil-dalil tersebut, maka terbitlah kaedah Fiqh yang menyatakan "kesulitan membawa kepada kemudahan". Apa yang dimaksudkan dengan kesulitan dalam konteks kaedah ini ialah kesulitan yang bukan pada kebiasaannya yang mana manusia boleh terus dibebani. Sekiranya kesulitan atau kesusahan biasa yang manusia sebagai mukallaf boleh terus dibebani, maka kaedah tersebut tidak boleh diaplikasikan (al-Zuhayli, 2018).

Samalah juga perniagaan dalam bentuk *bay' al-salam* yang pada awalnya tidak dibenarkan kerana membabitkan barangan yang belum wujud. Namun oleh kerana keperluan peniaga untuk mendapatkan wang sebelum menempah barangan tersebut, maka ianya dibolehkan demi kemudahan dan kesenangan. Begitu juga pemberian hak pilih kepada pembeli yang disebabkan penipuan dan penyelewengan termasuk dalam kaedah ini. Tidak diambil kira bagi setiap transaksi yang dibuat secara paksaan turut termasuk dalam kaedah ini kerana paksaan adalah di luar kebiasaan manusia (Ali, 2018) dan juga kesilapan serta lupa tidak diambil kira (al-Zuhayli, 2018).

Bagi memerhati dan meneliti setiap barangan secara mendalam sebagaimana yang disyaratkan Fiqh demi kesahihan sesuatu transaksi adalah merupakan perkara yang bukan senang. Maka ianya hanya cukup dengan melihat ciri-ciri luarannya sahaja (al-Zuhayli, 2009).

## Penutup

Kaedah Fiqh merupakan satu ilmu yang mempunyai hubung kait yang sangat rapat dengan Fiqh dan Usul Fiqh. Ketiga-tiga ilmu ini sangat penting dalam penentuan hukum Syarak. Oleh itu, ketiga-tiga ilmu ini tidak boleh dipisahkan. Antara bentuk hukum yang berlaku dalam kehidupan seharian ialah yang berkaitan dengan Fiqh Muamalat yang mana sebahagiannya berkenaan dengan perniagaan. Terdapat kaedah-kaedah Fiqh dalam Fiqh Muamalat tertentu yang mempunyai kesan yang positif apabila diaplikasikan dalam perniagaan Islam dengan sewajarnya. Terdapat tiga kaedah Fiqh yang dibincangkan dalam artikel ini yang memberi kemudahan dalam menyelesaikan permasalahan yang timbul berkaitan dengan perniagaan. Semua pihak yang terlibat seharusnya menggunakan kaedah-kaedah Fiqh ini agar dapat mengelakkan kegiatan perniagaan yang dilakukan adalah bebas daripada unsur riba, ketidakadilan, gharar dan sebagainya.

## Rujukan

Al-Quran al-Karim.

Abdul Wahhab, A. S. (1409H). *Al-Ibda' al-Manhaji Fi Fiqh al-Syafie*. Al-Riyadh: Maktabah al-Malik Fahd.

Abdurrahman Raden, A. H. (2002). *Konsep Perniagaan Dalam Islam*: Brunei: Universiti Brunei Darussalam.

Ahmad, M. H. (2017). *Musnad Ahmad ibn Hanbal*. Beirut: Muassasah al-Risalah.

Ahmad Hidayat, B. (1995). *Majallah al-Ahkam al-'Adliyyah*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.

Ali, H. (2018). *Durar al-Hukam Syarh Majallah al-Ahkam*. Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah.

Al-Albani, M. N. (1997). *Sahih Sunan Ibn Majah*. al-Riyadh: Maktabat al-Ma'arif.



- Al-Albani, M. N. (1988). *Sahih wa Da'if al-Jami' al-Saghir wa Ziyadatih*. Beirut: al-Maktab al-Islami.
- Al-Bukhari, M. I. (2016). *Sahih al-Bukhari*. Karachi: Maktabat al-Bushra.
- Al-Juwayni, A. M. (2019). *Al-Waraqat*. Kaheerah: Dar al-Salam.
- Al-Qurtubi, Muhammad ibn Ahmad (2016). *Al-Jami' li Ahkam al-Qur'an*. Al-Riyadh: Dar 'Alim al-Kutub.
- Al-Suyuti, A. A. (2018). *Al-Asybah wa al-Nazair*. Kaheerah: Dar al-Salam.
- Al-Syafie, M. I. (2019). *Al-Umm*. Beirut: Dar Ibn Hazm.
- Al-Syarbini, M. K. (2019). *Mughni al-Muhtaj*. Damsyiq: Dar al-Fayha'
- Al-Syazili, A. H. (2000). *Al-Madkhal Li al-Fiqh al-Islami*. Kaheerah: Dar al-Tiba'ah al-Hadithah.
- Al-Zuhayli, M. (2018). *Al-Qawaid al-Fiqhiyyah*. Beirut: Maktabah Dar al-Bayan.
- Al-Zuhayli, W. (2009). *Al-Fiqh al-Islami wa Adillatuh*. Damsyiq: Dar al-Fikr.
- Ibn Majah, M. Y. (2017). *Sunan Ibn Majah*. Beirut: Muassasah al-Risalah.
- Ibn Manzur, M. M. (2015). *Lisan al-'Arab*. Beirut: Dar Ihya' al-Turath al-'Arabi.
- Muhammad Farid, W. (2016). *Dairah Ma'arif al-Qarn al-'Ishrin*. Beirut: Dar al-Ma'rifah.
- Muslim, H. Q. (2018). *Sahih Muslim*. Beirut: Dar al-Amal.
- Mustafa, S. K. (2011). *Al-Fiqh al-Manhaji 'Ala al-Mazhab al-Syafie*. Damsyiq: Dar al-Qalam.
- Zaghlul, A. A. (2013). *Al-Mal wa Istithmaruha fi Mizan al-Shari'ah*. Kaheerah: Matba'at al-Amanah.